



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **KENYATAAN MEDIA**

### **YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT MERANGKAP AHLI PARLIMEN GPS P.193 SANTUBONG**

---

Alhamdulillah, saya mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya, saya dilantik untuk memegang jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam Kerajaan Perpaduan ini selepas kemenangan Pilihan Raya Umum ke-15 di Parlimen P.193 Santubong, Sarawak.

Dengan penuh takzimnya, saya menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah, atas perkenan Baginda yang membawa kepada penubuhan Kerajaan Perpaduan demi kestabilan politik dan ketenteraman rakyat Malaysia. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada YAB Perdana Menteri, Dato'Seri Anwar Ibrahim atas kepercayaan beliau kepada saya untuk terus berkhidmat kepada rakyat.

Kemenangan saya dalam PRU ini juga merupakan berkat kepercayaan YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg, selaku Pengerusi Gabungan Parti Sarawak (GPS) serta seluruh kepimpinan parti dan aspirasi rakyat Sarawak. Tidak dilupakan juga kepada ahli-ahli keluarga yang sentiasa bersama menyokong saya pada setiap masa diikuti dengan seluruh warga dan kakitangan Kerajaan yang sentiasa komited bertugas demi melaksanakan amanah rakyat.

Pelantikan ini merupakan satu tanggungjawab dan amanah besar yang akan saya pikul sebagai cabaran untuk terus berbakti kepada masyarakat dan negara. Insya Allah, pengalaman dan

hubungan baik bersama ahli-ahli Jemaah Menteri merentasi fahaman politik akan saya manfaatkan sebaiknya untuk terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara di samping kerjasama seluruh warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam Kerajaan Perpaduan ini.

Sekian, terima kasih.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**3 DISEMBER 2022**